

Nasib silat ditentukan

■ Harian (M)

akhir Februari 20 FEB 1991

KEPUTUSAN muktaamad sama ada silat olahraga disenaraikan pada Sukan SEA XVI Manila, November depan bergantung kepada Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Filipina (Mansoc), yang dijangka mengumumkannya akhir bulan ini.

Ini berikutan persetujuan Majlis Olimpik Filipina (FOC) mahu menyokong agar acara itu disenaraikan semula, selepas perbincangan khas dengan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah di Manila, empat hari lalu.

Turut sama dalam perbincangan itu ialah Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Tan Sri Haji Muhammad Haji Muhd Taib dan Presiden Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat), Eddie M Nalapraya.

Selain itu, wakil peratuan silat daripada Indonesia, Brunei Darussalam dan Thailand

turut sama dalam mesyuarat itu. Hanya Singapura tidak menghantar wakil.

Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, yang hadir pada mesyuarat itu berkata, FOC memberi jaminan untuk memberi sokongan kuat kepada Mansoc agar acara itu disenaraikan.

Menurutnya, Filipina puas hati dengan tiga syarat yang dikehendaki oleh perlembagaan Sukan SEA bagi menyenaraikan semula silat.

Antara syarat itu ialah setiap acara perlu disertai oleh empat negara dan kemudahan kelengkapan pertandingan mesti disediakan oleh Pesaka dan Persilat.

Beliau berkata, pada 20 Disember lalu, Persilat sudah membantu Filipina menubuhkan Persekutuan Pencak Silat Filipina (Philsilat).

Abdul Rahman berkata, apabila silat disenaraikan, Pesaka dan Persilat akan mengelolakan

acara itu bagi pihak tuan rumah sewaktu Sukan SEA berlangsung.

Menurutnya, beberapa pegawai teknikal, jurulatih dan wasit akan dihantar ke Filipina bagi memberi bimbingan menjayakan acara itu.

Sebelumnya, Filipina bersetuju menyenaraikan silat, tetapi mengubah pendirian di Beijing dengan menyenaraikan taekwondo dan wushu yang tidak disenaraikan sejak awal.

Dalam perkembangan lain, Tan Sri Hamzah juga sudah menemui Duta Besar Malaysia di Filipina, Datuk Emam Mohd Haniff Mohd Hassan, bagi meminta kerjasamanya untuk menyokong supaya Mansoc bersetuju memasukkan silat.

Langkah Tan Sri Hamzah itu sebagai memenuhi cadangan FOC kerana sokongan daripada kedutaan Malaysia kepada Mansoc nanti boleh mengelakkan isu yang berbau politik.

Sukan SEA di Manila

21 FEB 1991

Pesilat ganas mungkin tersingkir

■ Harian (M)

Oleh MOHD RAHIME YUSOFF

PESILAT yang mempamerkan persembahan ganas hingga mencederakan lawan tidak akan disenaraikan dalam skuad kebangsaan ke Sukan SEA Manila, November depan sekalipun menjuarai kejuaraan silat kebangsaan.

Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Rahman Hassan, berkata keganasan permainan dalam kejuaraan silat masih lagi ketara kerana kebanyakan mereka begitu cetek dengan teknik berlawan. (ENCANA KUALA)


Katanya, amaran ini tidak terkecuali kepada pesilat kebangsaan jika mereka masih mengekalkan permainan yang beremosi.

"Kami mahu semua pesilat kebangsaan, negeri atau daerah mendalami teknik yang sempurna sebelum bertarung di gelanggang. Dengan cara ini, pesilat akan dapat mengekalkan seni tari, taktik menyerang dan bertahan dengan sempurna," kata Rahman.

Menurutnya, bagi membentuk pesilat yang baik, perguruan silat terbabit dalam sukan ini perlu mendedahkan taknik yang lebih sempurna.

Selain itu, katanya, jurulatih silat negeri juga diharap agar tidak beremosi kerana ia secara langsung boleh mempengaruhi pesilat untuk bertindak ganas.

"Kami tidak mahu peristiwa pada kejuaraan tiga tahun lalu di Post Dickson berulang lagi pada Kejuaraan Kebangsaan di Alor Star, Ogos depan," katanya.



■ FOO KEAT SEONG